

LAWATAN UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE) & JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) KE NO 22 SKUADRON

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2729-lawatan-unit-perancang-ekonomi-upe-jabatan-perdana-menteri-jpm-ke-no-22-skuadron

SUBANG, 27 Nov 17 – No 22 Skuadron (Skn) telah menerima kunjungan dari Unit Perancang Ekonomi (UPE) & Jabatan Perdana Menteri (JPM). Rombongan diketuai oleh Timbalan Pengarah IV, JPM iaitu YBhg Tuan Haji Mohamad Radzi bin Haji Mohd Yusof. Turut mengiringi lawatan tersebut adalah Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan, YBhg Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Hj Ahmad TUDM. Rombongan ini telah disambut oleh Pemangku Pegawai Memerintah, Mej Yusrizal bin Zain TUDM serta Eksekutif Skn. Lawatan telah dimulakan dengan taklimat berkenaan No 22 Skn dan seterusnya rombongan telah di bawa melawat ke pesawat Airbus A400M sebelum meneruskan lawatan ke No 16 Skn.

